



GET

Ready!

PT3

YAKIN
Menghadapi **PT3!**

BAHASA MELAYU

Kertas 1
2021



9 UJIAN

Latih Tubi Pentaksiran
Formatif & Sumatif



JAWAPAN

Tepat & Lengkap



KBAT

Memenuhi Kehendak
Peperiksaan

Kaithiri Arumugam

Ting 1

1

KSSM

**FORMAT
TERKINI**

PT3

Bahagian A

Sistem Bahasa dan Pemahaman Teks

20

Soalan 1 - 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sumbangan daripada ustaz itu _____ dapat (meringankan beban) penduduk yang terjejas akibat penularan virus Covid-19.
 A seboleh-bolehnya 尽量 传染
 B setidak-tidaknya 至少
 C sebaik-baiknya 最好
 D seelok-eloknya 最合适
2. (Penceramah) itu menyatakan (bencana alam) yang berlaku pada ketika ini berpunca _____ (kerakusan manusia) merosakkan (sumber alam.)
 A dari C pada
 B oleh D daripada

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Kamsani membantu nenek memasukkan (selembar benang) ke dalam lubang se _____ jarum.
 A laras senapang 枪 batang
 B bentuk cincin D puntung rokok 烟头
4. Mulut kami _____ menghafal doa yang diajar oleh Ustaz Kadir.
 A gopoh-gapah 匆忙 C riuh-rendah 热闹
 B kumat-kamit D sedu-sedan 抽泣

Soalan 5 - 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Ayah membelikan ibu sutera batik dari Indonesia sebagai buah tangan.
 A B
 C
 D
6. Sampah sarap itu mereka buang ke dalam tong sampah yang terletak di hadapan rumah.
 A B C
 D

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Harga minyak di pasaran yang jatuh minggu lalu naik mendadak pada hari ini.
 II Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini jatuh pada hari minggu.
 III Zarif jatuh sakit selepas makan di warung itu.
 IV Dania mengutip buah durian yang jatuh di kebun Tok Aki.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

8. I Muka jalan yang licin merupakan antara faktor kemalangan jalan raya.
 II Ayah menasihati kami supaya belajar dengan tekun untuk kesenangan pada hari muka.
 III Akibat terlalu diberi muka, budak itu bertambah nakal dan degil.
 IV Muka pengantin itu berseri-seri setelah disolek oleh mak andam.
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

muka 一脸
 封面/页
 表面
 脸色/态度

Soalan 9 - 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Jiran-jiran di taman perumahan saya saling bantu-membantu setiap kali adanya sesuatu kenduri.
 A bantu-membantu tiap kali
 B saling membantu tiap-tiap kali
 C saling bantu-membantu tiap kali
 D saling bantu-membantu setiap kali
10. Seorang pegawai yang berpangkat tinggi di syarikat itu telah mendakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah.
 A didakwa di mahkamah atas
 B didakwa di mahkamah di atas
 C mendakwa di mahkamah di atas
 D mendakwa di mahkamah atas

Soalan 11 - 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Setiap petang, Nek Ngah menghalau semua ayam (peliharaannya) masuk ke dalam reban.
 II Saya menunggu Kak Diana di stesen bas selama satu jam suku.

赶走

养鸡

- III Tiga orang kanak-kanak berkejar-kejaran dengan riang di taman.
 IV Bersenam seminggu tiga kali memang baik diamalkan.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

12. I Mak Ani tekun menjahit baju kurung-baju kurung yang ditempah oleh para pelanggannya.
 II Hasnah terpaksa mengambil cuti kecemasan pada hari ini kerana ibunya dimasukkan ke hospital.
 III Pasukan keselamatan mencuba dengan sedaya upaya untuk menyelamatkan mangsa-mangsa kebakaran itu.
 IV Peserta-peserta larian itu berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menamatkan larian demi mengejar gelaran juara.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih maksud peribahasa yang paling sesuai.

Menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri 拍水弄是非, 结果害了自己

13. Peribahasa di atas membawa maksud
 A melakukan sesuatu perkara hendaklah sentiasa berhati-hati.
 B seseorang yang suka mengata orang lain tetapi diri sendiri juga tidak betul.
 C seseorang akan menerima akibat daripada apa-apa yang dilakukan olehnya.
 D diri sendiri mendapat malu akibat menceritakan keburukan keluarga kepada orang lain.



Soalan 14 – 17 berdasarkan petikan drama di bawah ini.

- DATUK PENGHULU: Begini, Pak Mail. Encik Musa datang ke sini kerana ada tugas.
- PAK MAIL: Oh, begitu! Apa halnya, Encik Musa?
- ENCIK MUSA: Begini, Pak Mail. Saya datang ini untuk (menyampaikan penghargaan) negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu. Kami bersimpati benar dengan keluarga Pak Mail, terutamanya kepada Puan Fauziah dan dua orang anaknya.
- PAK MAIL: Terima kasihlah, Encik Musa. Kami memanglah sedang menghadapi masalah sekarang ini, terutamanya dalam hal persekolahan Hayati. Hari ini dia pulang dari asrama.
- ENCIK MUSA: Mengapa begitu, Pak Mail?
- PAK MAIL: Masalah belanja, Encik Musa. Nampaknya saya terpaksa mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahannya. Saya sudah pun memberitahu Tuk Penghulu akan hal ini.
- DATUK PENGHULU: Betul, Encik Musa. Saya akan berikhtiar untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pak Mail sekarang. Pak Mail tentu tidak dapat (mengharapkan) pencen bulanannya yang sedikit itu untuk (menyara keluarga).
- PAK MAIL: Betul, Tuk.
- ENCIK MUSA: Begini, Pak Mail. Kedatangan saya ini juga untuk menyampaikan sekeping cek yang bernilai sepuluh ribu ringgit untuk Puan Fauziah. Di manakah Puan Fauziah sekarang, Pak Mail?

(Dipetik daripada drama 'Hadiah', antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

14. Apakah maksud frasa *mencari satu punca tetap*?
- A Mengatasi masalah
- B Mendapatkan pekerjaan
- C Mengkaji penyebab utama
- D Mencari jalan penyelesaian
15. Yang berikut ialah tujuan kedatangan Encik Musa ke rumah Pak Mail, **kecuali**
- A memberikan cek kepada keluarga Pak Mail.
- B menyampaikan perasaan simpati kepada keluarga Pak Mail.
- C melaporkan berita kematian Sarjan Akhbar dalam pertempuran.
- D menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail.
16. Yang manakah **bukan** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama tersebut?

- A Masyarakat yang (terdiri daripada) warga emas yang sudah pencen
- B Masyarakat yang amanah dalam menjalankan tugas
- C Masyarakat yang suka mencampuri urusan keluarga orang lain
- D Masyarakat murid yang prihatin akan nasib keluarga
17. Apakah kesudahan drama *Hadiah*?
- A Puan Fauziah terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan keluarganya.
- B Hayati tidak dapat menyambung persekolahannya.
- C Pak Mail terus mencuba untuk meminta bantuan daripada pelbagai agensi kerajaan.
- D Hayati dapat menyambung persekolahan setelah mendapat bantuan daripada Kementerian Pertahanan.



Soalan 18 – 20 berdasarkan sajak di bawah ini.

Kunci Bahasa

Bahasa berrmaruah
tidak berbilur bahasa di lidah.

Bahasa berbuah
tidak kering bahasa diperah.

Bahasa bersejarah
tidak luput bahasa bertingkah.

Bahasa berwasilah
tidak putus *jambatan ukhuwah*.

Bahasa berbudi sudah
tidak lokek pada ummah.

Bahasa begitu indah
tidak habis berbahasa bermadah.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

18. Mengapakah bahasa penting dalam kehidupan manusia?

- A Sebagai alat komunikasi dan mengeratkan hubungan
- B Bahasa sentiasa berubah-ubah dan dinamik
- C Mempunyai ungkapan-ungkapan yang menarik dan indah
- D Tidak menimbulkan kekeliruan dan sistematik

19. Maksud rangkai kata *jambatan ukhuwah* dalam sajak ialah

- A hubungan persaudaraan.
- B kesefahaman antara satu sama lain.

C pengikat hubungan sesama insan.

D bertolak ansur dalam semua perkara.

20. Yang berikut ialah pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut, **kecuali**

- A kita mestilah bijak menggunakan bahasa agar membawa kebaikan.
- B kita hendaklah menjaga pertuturan agar tidak mengguris hati orang lain.
- C kita hendaklah mengekalkan keindahan bahasa agar tidak berlaku pencemaran bahasa.
- D kita hendaklah menggunakan bahasa yang sopan agar dapat mewujudkan masyarakat yang berbudi bahasa.